



24 JUN, 2024

Penyeludup lepas tembakan ke arah pegawai kastam diburu

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Penyeludup lepas tembakan ke arah pegawai kastam diburu

KOTA BHARU – Polis sedang menjalankan siasatan termasuk bekerjasama dengan pihak berkuasa Thailand untuk memburu penyeludup yang melepaskan tiga das tembakan ke arah lima anggota dan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Pangkalan Haram Pok Mat dekat Tumpat Rabu lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, siasatan itu dijalankan selepas

pihaknya menerima laporan berhubung insiden tersebut pada hari sama.

Menurutnya, siasatan kes itu dijalankan dengan teliti kerana ia melibatkan hubungan antara dua buah negara.

“Polis Kelantan sudah menjalankan siasatan termasuk bertukar maklumat dengan pihak berkuasa di Selatan Thailand untuk mengenal pasti dan memburu suspek yang terlibat.

“Kita mahukan satu penjelasan dan rumusan hasil daripada siasatan lanjut yang sudah dijalankan oleh kedua-dua pihak,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Muhamad Zaki memberitahu, sehubungan itu, pihaknya turut memanggil agensi-agensi yang mengawal sempadan termasuk Pasukan Gerakan Am untuk berbincang

mengenai insiden tersebut.

Menurutnya, ia bagi mengukuhkan kawalan sempadan melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan.

“Kastam sebaik-baiknya tidak bersendirian semasa menjalankan operasi. Saya fikir, perlu ada satu perbincangan dan kerjasama dengan pelbagai pihak semasa menjalankan tugas,” ujarnya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, sekumpulan penyeludup

bertindak berani dengan melepaskan tiga das tembakan ke arah lima anggota dan pegawai JKDM yang cuba menahan mereka ketika menyeludup petrol dan diesel ke Thailand di Pangkalan Haram Pok Mat dekat Tumpat pada Rabu lalu.

Kejadian kira-kira pukul 9.45 pagi itu berlaku ketika pasukan Operasi Penguatkuasaan (Marin) JKDM Kelantan menjalankan rondaan air di kawasan tersebut.



24 JUN, 2024

Penyeludup lepas tembakan ke arah pegawai kastam diburu

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU - Polis sedang menjalankan siasatan termasuk bekerjasama dengan pihak berkuasa Thailand untuk memburu penyeludup yang melepaskan tiga das tembakan ke arah lima anggota dan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Pangkalan Haram Pok Mat dekat Tumpat Rabu lalu.. Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, siasatan itu dijalankan selepas

pihaknya menerima laporan berhubung insiden tersebut pada hari sama.